

# Nafi kedai sewa beri masalah

Pertikaian unit kedai kos rendah terjawab, penyewa tampil buat pendedahan

## TANJONG KARANG

- Pertikaian dua unit kedai kos rendah yang dibangkitkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebelum ini yang diadakan menimbulkan rungutan penduduk setempat terjawab apabila penyewa terbabit tampil membuat pendedahan kepada *Sinar Harian*, semalam.

Pengurus kedai, Rosli Abd Jalil, 40, berkata, pihaknya memanfaikan kerja baik pulih kedai yang dilaksanakan sebelum ini menimbulkan gangguan kepada penduduk setempat.

Menurutnya, perkara itu disahkan sendiri pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) bersama agensi berkaitan yang

tampil membuat lawatan sebaik sahaja laporan berita mengenai kedai itu disiaran.

"Mereka sendiri mengesahkan kedai yang saya uruskan itu tak menimbulkan masalah dan boleh beroperasi seperti biasa memandangkan penyewa masih aktif membeli sebuah bulanan."

"Bagaimanapun, saya kesal perkara ini berlaku sehingga menyusahkan banyak pihak. Namun saya berharap ia tak berlaku lagi demi kesejahteraan penduduk di sini," katanya.

Rosli berkata, kemungkinan kerja baik pulih unit kedai yang uzur sebelum ini menimbulkan tidak puas hati sehingga gelintir pihak memandangkan dijalankan sehingga



Kerja baik pulih yang dijalankan didakwa mengganggu penduduk.

malam bagaimanapun ia sudah selesai.

"Kerja baik bangunan unit kedai itu amat penting sebagai agak uzur dan membahayakan penyewa lain. Jadi saya mengambil pendekatan sendiri membaik pulih kedai terbabit dan menyimpan peralatan di premis itu buat sementara waktu."

"Mungkin ada yang tak berpuas hati. Namun, saya sudah pun merujuk kepada pihak berkenaan untuk penjelasan lanjut. Jadi, saya harap masalah ini selesai demi kebaikan semua penduduk," katanya.

Sebelum ini, tindakan

penyewa yang menjadikan unit kedai sebagai bengkel kimpalan di Kampung Bukit Belimbing, menimbulkan rungutan penduduk.

*Sinar Harian* difahamkan, unit kedai yang sebelum ini disewakan sebagai kedai menjual makanan dan minuman itu dibuka menjadi bengkel oleh penyewa baru tanpa pengetahuan JKKK.

Ketua Kampung Bukit Belimbing, Samsuddin Idris, 59, berkata, pihaknya tidak memanfaikan menerima aduan penduduk yang rata-ratanya terjejut apabila unit kedai kos rendah itu diubah menjadi

bengkel kimpalan besar.

Menurutnya, walaupun difahamkan hanya beroperasi pada malam hari namun bukti bising, berhabuk dan kotor menimbulkan rungutan penduduk.

"Saya lihat deretan kedai lima pintu itu sebelum ini dibuka untuk kedai ringan, namun selepas penyewa berganti keadaan turut berubah."

"Dua unit kedai yang sebelum ini kedai makan dijadikan bengkel kimpalan dan stor penyimpanan barang kontraktor sekali gus menimbulkan persoalan penduduk," katanya.



Penyewa menunjukkan siaran akhbar *Sinar Harian* bertarikh 18 Februari 2014 mengenai aduan penduduk di Kampung Bukit Belimbing.